

**APLIKASI QAWAID FIQHIYYAH DALAM MENGHADAPI COVID 19*****APPLICATION OF QAWAID FIQHIYYAH IN FACING COVID 19***

<sup>i</sup>\*Mohd Izzuddin Mohd Noor <sup>i</sup>Fatimah Nadirah Mohd Noor, <sup>i</sup>Farrah Yazmin Aziz, <sup>i</sup>Badriah Nordin

Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka, Kuala Sungai Baru, MelakaFakulti Pengajian Kontemporari Islam,  
Kolej Profesional Baitulmal, Kuala Lumpur

\*(Corresponding author) email: [izzuddin@kuim.edu.my](mailto:izzuddin@kuim.edu.my)

**ABSTRAK**

Covid 19 yang melanda dunia pada hari ini telah banyak mengubah norma kehidupan manusia. Pihak kerajaan telah merangka dan mengeluarkan *Standard Operating Procedure (SOP)* serta memperkenalkan Perintah Kawalan Pergerakan(PKP) beberapa peringkat dan situasi. Ini merupakan bukti serius daripada kerajaan dalam usaha menangani penularan wabak yang berbahaya sebegini. Selain daripada itu, Qawaид Fiqhiyyah boleh menjadi instrumen panduan dalam menghadapi pandemik ini. Maka objektif kajian ini ialah untuk melihat pengaplikasian Qawaيد Fiqhiyyah dalam mendepani pandemik Covid 19 menerusi lima kaedah umumnya. Kajian ini berbentuk kualitatif dan pengkaji menghimpunkan maklumat berkaitan aplikasi Qawaيد Fiqhiyyah daripada kitab-kitab turath, kontemporari, kajian ilmiah, dan fatwa semasa dengan disesuaikan dengan situasi Covid 19 ini. Maklumat ini semua diteliti dan dianalisa bagi mendapatkan gambaran sebenarnya tentang peranan ilmu Qawaيد Fiqhiyyah mendepani Covid 19. Kajian menunjukkan bahawa Qawaيد Fiqhiyyah mampu digarap sebagai formula ampuh untuk penjagaan diri, masyarakat, negara dan dunia daripada ancaman virus ini.

**Kata Kunci:** Aplikasi, Qawaيد Fiqhiyyah, Covid 19, Standard Operating Procedure

**ABSTRACT**

Covid 19 that hit the world today has changed a lot of the norms of human life. The government has drafted and issued the Standard Operating Procedure (SOP) as well as introduced the Movement Control Order (PKP) in several stages and situations. This is serious evidence from the government in its efforts to deal with the spread of such dangerous epidemic. Apart from that, researchers believe that Qawaيد Fiqhiyyah can be a guiding instrument in dealing with this pandemic. This study is qualitative study and researchers gather informations related to the application of Qawaيد Fiqhiyyah from books of turath, contemporary books, scientific studies, and current fatwas in accordance with the situation of Covid 19. These informations will be scrutinized and analyzed to get the real overview about the roles of Qawaيد Fiqhiyyah in facing Covid 19. The Study show that Qawaيد Fiqhiyyah can be developed as a great formula for self, society, country, and the world protection from the threat of this virus.

**Keywords:** Application, Qawaيد Fiqhiyyah, Covid 19, Standard Operating Procedure

## Pendahuluan

Kewujudan virus Covid 19 pada penghujung tahun 2019 merupakan suatu perkara yang menjadi misteri. Ianya menimbulkan persoalan bagi penduduk dunia tentang daripada manakah sebenarnya virus Covid 19 ini berasal. Sehingga ke hari ini, ianya masih kabur belum terjawab. Terdapat kajian yang menyatakan bahawa ianya berpunca daripada haiwan yang dijual terutamanya kelawar di Pasar Huanan di Bandar Wuhan Cina(Ain Umaira, 2020). Namun terdapat juga yang menyangkal perkara ini dengan mengatakan bahawa asal usul dan punca sebenar kepada munculnya virus ini belum dapat dipastikan.(Shrikrushna Subhash Unhale et.al, 2020). Virus ini boleh berjangkit daripada manusia kepada manusia yang lain melalui titisan pernafasan ketika batuk dan bersin(Abdul Hafeez et.al, 2020). Kemunculannya telah memberikan episod ngeri dan menghantui kehidupan sehari-hari masyarakat. Ini adalah kerana penularan Covid 19 ini berlaku dengan sangat pantas dan telah meragut nyawa menghampiri angka satu juta. Setakat kajian ini ditulis, World Health Organization(WHO) telah melaporkan kes positif Covid 19 sebanyak 30,675,675 dan jumlah kematian pula 954,417.(WHO, 2020). Keperluan kepada vaksin pencegahan Covid 19 merupakan keutamaan pada waktu sekarang walaupun ianya masih belum boleh ditemui pada peringkat awal gelombang pandemik ini. Ketiadaan vaksin memaksa kepada pelaksanaan kaedah pencegahan yang melibatkan larangan perjalanan, kuarantine pesakit yang telah positif, penjarakan sosial, dan lain-lain lagi.(Abdullah, 2020). Hal ini telah menyebabkan penduduk dunia perlu mengubah cara kehidupan daripada lama kepada kehidupan cara baharu bagi mengekang penularan wabak Covid 19 ini dengan mengamalkan Standard Operating Procedure(SOP) yang telah ditetapkan.

## Makna Qawaid Fiqhiyyah

Qawaid Fiqhiyyah merupakan satu daripada cabang ilmu Syariah yang secara umumnya berbentuk prinsip asas berkaitan dengan niat, keyakinan, kesusahan, kemudaratian, dan adat. Ianya merupakan istilah menggabungkan dua perkataan iaitu qawaid dan juga fiqhiyyah. Qawaid merupakan perkataan jamak yang berasal daripada Qaedah(قاعدۃ), dari sudut bahasa membawa maksud asal usul sesuatu perkara, qawaid rumah-asas rumah, tunjang binaan yang menjadi sandaran kepada binaan tersebut.(Ibnu Manzur, 1992). Fiqhiyyah perkataan yang berasal daripada fiqh (فقہ) yang dari sudut bahasa bermaksud kefahaman(Al-Razi, 1999), manakala dari sudut istilah pula bermaksud ilmu berkaitan dengan hukum-hakam Syariah yang dikeluarkan daripada dalil-dalilnya yang terperinci.(Al-Zarkasyi, 1994). Apabila digabungkan menjadi Qawaid Fiqhiyyah, ianya telah didefinisikan oleh Ulama' silam seperti Al-Jurjani, Al-Subki, Al-Taftazani dan juga Ulama' kontemporari seperti Dr Uthman Syibir, Dr Muhammad Bakar Ismail, dan Dr Ali Ahmad Al-Nadwi .

Menurut Al-Jurjani (1983), Qawaid Fiqhiyyah membawa maksud Isu-isu kuliyyah(umum) yang diaplikasikan ke atas semua juziyyat(pecahan kecil). Al-Subki (1991) pula mendefinisikannya sebagai perkara keseluruhan yang diaplikasikan ke atasnya pecahan yang banyak, dapat difahami hukumnya daripadanya. Al-Taftazani(t.t) memberikan takrifan sebagai hukum keseluruhan yang diaplikasikan ke atas pecahan kecil.

Dr Uthman Syibir (2007) menakrifkan Qawaid Fiqhiyyah sebagai isu Syariah berbentuk amalan secara keseluruhan yang mempunyai kaitan yang kuat dengan tema tajuk pecahan isu-isu kecil. Dr Muhammad Bakar Ismail (t.t) pula mengatakan bahawa Qawaid Fiqhiyyah ialah perkataan ringkas tetapi tepat dalam isu-isu umum, berada di bawahnya perkara pecahan kecil yang dapat diketahui hukum yang banyak melaluinya. Manakala Al-Nadwi (1994) menyatakan bahawa Qawaid Fiqhiyyah ialah hukum syarak dalam kebanyakkannya yang dapat diketahui hukum yang berada di bawahnya.

Berdasarkan kepada definisi yang dikemukakan oleh ulama' silam dan ulama' moden, jelas kelihatan bahawa definisi yang diberikan oleh ulama' moden lebih mudah untuk difahami berbanding apa yang telah dikemukakan oleh ulama' silam. Secara mudahnya, Qawaid Fiqhiyyah ialah kaedah umum berbentuk formula bagi mengeluarkan hukum berkaitan isu-isu tertentu di mana ianya mempunyai

pecahan kaedah-kaedah kecil yang sebenarnya berasal daripada kaedah-kaedah besar yang umum. Terdapat lima kaedah umum iaitu:

الأمور بمقاصدها (Setiap perkara berdasarkan niat)

اليقين لا يزال بالشك (Keyakinan tidak dihilangkan dengan syak)

المشقة تجلب التيسير (Kesusahan membawa kepada kemudahan)

الضرر يزال (Kemudaratan mesti dihilangkan)

العادة الحكمة (Adat sebagai sumber hukum)

Setiap daripada kaedah umum ini mempunyai kaedah-kaedah kecil yang mempunyai kaitan dengan kaedah umum. Untuk kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan kepada aplikasi kaedah-kaedah umum daripada Qawaid Fiqhiyyah ini sahaja tanpa melibatkan kaedah-kaedah kecil, pecahan daripada kaedah-kaedah umum tersebut.

الأمور بمقاصدها (Setiap perkara berdasarkan niat)

Kaedah ini merupakan kaedah yang sangat penting dalam ilmu Fiqh dan sangat diberikan penekanan oleh Ulama'. (Al-Nadwi, 1994). Maksud kaedah ini ialah hukum terhadap sesuatu perkara ditentukan berdasarkan kepada maksud atau tujuan sebenar perkara tersebut.(Al-Zarqa, 1989). Ianya berdasarkan kepada hadith Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari iaitu:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّةِ، وَإِنَّمَا لِأَمْرٍ مَا نَوَى، فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ، فَهِجَرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ، وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى دُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ امْرَأَةٌ يَتَرَوَّجُهَا، فَهِجَرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ

(*Sesungguhnya setiap amalan itu berdasarkan niat, dan bagi setiap individu itu apa yang diniatkan. Sesiapa yang hijrahnya kerana Allah dan RasulNya, maka hijrahnya memang kerana Allah dan RasulNya, sesiapa yang hijrahnya kerana tujuan keduniaan, atau perempuan untuk dinikahinya, maka hijrahnya itu berdasarkan apa yang diinginkannya*). Hadis ini mengisyaratkan kepada beberapa perkara seperti berniat untuk melakukan sesuatu amal soleh, ikhlas di dalam amalan dan ibadat, dan melakukan amalan yang bermanfaat.(Al-Bugha&Misto, 1998).

Niat pada bahasa bermaksud kehendak, pegangan, halatuju ke arah sesuatu.(Ibnu Manzur, 1992). Dari sudut istilah niat mempunyai definisi tertentu daripada pandangan mazhab. Pada mazhab Hanafi, niat ialah kehendak untuk melakukan ketaatan dan mendekatkan diri kepada Allah Taala ketika melakukan sesuatu perbuatan.(Ibnu Abidin, 1992). Mazhab Maliki pula ialah kehendak mukallaf kepada sesuatu perkara yang disuruh untuk melakukannya.(Al-'Adwi, t.t). Menurut mazhab Syafie, niat ialah kehendak kepada sesuatu disertai dengan perbuatan melakukannya.(Al-Zarkashi, 1985). Dan pada mazhab Hanbali, niat ialah keazaman hati melakukan ibadah sebagai mendekatkan diri kepada Allah SWT(Al-Buhuti, t.t). Secara umumnya, walaupun kelihatan lafadz huriaian maksud niat itu berbeza mengikut mazhab-mazhab yang empat ini, namun dari sudut makna, definisi mazhab Hanafi sama dengan mazhab Hanbali, manakala definisi mazhab Maliki tidak jauh berbeza dengan mazhab Syafie melainkan mazhab Syafie mengisyaratkan kehendak itu mestilah serentak diteruskan dengan amalan yang ingin dilaksanakan.

Dalam bahasa moden dan kontemporari hari ini, niat ini bolehlah dianggap sebagai misi dan visi yang ingin dicapai dalam melaksanakan sesuatu perkara sama ada dalam tempoh masa yang singkat mahupun dalam tempoh masa yang panjang. Sudah semestinya setiap perkara yang dilakukan mempunyai matlamat yang ingin digapai sama ada matlamat tersebut dalam bentuk kebaikan mahupun keburukan. Namun bagi setiap orang Islam, mereka mestilah melakukan amalan soleh sahaja dan

dilakukan amalan tersebut hanya kerana Allah SWT. Berkaitan amalan yang soleh ini, Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Kahfi ayat 110:

**فَمَنْ كَانَ يَرْجُو أَلْقَاءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ عَمَلاً صَلِحًا**

(Maka sesiapa yang mengharapkan pertemuan dengan tuhannya, maka hendaklah dia melakukan amalan soleh)

Allah juga berfirman dalam Surah Al-Bayyinah ayat 5 akan pentingnya melakukan sesuatu perkara kerana Allah SWT:

**وَمَا أَمْرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ**

(Dan tidaklah kamu diseru melainkan kamu beribadah kepada Allah dalam keadaan ikhlas hanya kepada Allah)

Aplikasi kaedah ini banyak berkait dengan perkara muamalat yang melibatkan urusan manusia sesama manusia iaitu jual beli, pemilikan harta, memberi jaminan, menjaga amanah dan hukuman(Al-Zuhaili, 2006). Semasa Covid 19 aplikasi kaedah ini boleh dilihat pada niat murni pihak kerajaan yang ada sekarang dalam membantu mereka yang terkesan dengan Covid 19 ini, dan juga usaha dan kegigihan mereka yang berada di lapangan hadapan dalam mengekang penularan virus yang berbahaya ini. Berdasarkan kepada situasi semasa ketika Covid 19 ini, banyak perkara yang telah dibuat oleh pihak kerajaan melalui kementerian-kementerian, dan agensi-agensi yang berkaitan dalam usaha membantu meringankan beban rakyat akibat daripada Covid 19. Kesemua perkara ini sama ada melibatkan bantuan kewangan segera, pakej rangsangan ekonomi, pemberian moratorium, pengagihan wang zakat dan lain-lain lagi inisiatif merupakan amalan soleh kerana mendahulukan kemaslahatan rakyat dan mengutamakan rakyat melebihi daripada segala-galanya terutamanya dalam mendepani cabaran kehidupan terkini. Seramai 10 juta rakyat Malaysia dilaporkan telah menerima Bantuan Prihatin Nasional(BPN) yang berjumlah sebanyak RM11.14 bilion.(Berita Harian, 2020). Manakala jumlah moratorium pengecualian pembayaran pembiayaan bank dan institusi kewangan ialah RM81.9 bilion iaitu sebanyak RM28.6 bilion diberikan kepada sektor perniagaan dan RM53.3 bilion lagi diberikan kepada peminjam peribadi.(Harian Metro, 2020).

Dari segi mereka yang berada di barisan hadapan pula, atau *frontliners* seperti doktor, jururawat, kakitangan hospital, mereka telah membuktikan niat murni mereka dalam membantu pihak kerajaan menangani penularan Covid 19 ini. Walaupun kehidupan mereka banyak terganggu kerana terpaksa bekerja lebih masa sehingga terpaksa berjauhan dan meninggalkan pasangan sendiri, anak-anak, ibu bapa bagi mengelakkan sebarang kemungkinan jangkitan Covid 19 daripada berlaku. Bahkan mereka terpaksa berpanas memakai pakaian khas untuk menjalankan ujian saringan kepada pesakit-pesakit dan mahupun kepada mereka yang disyaki telah dijangkiti. Kesemua ini dilakukan tidak lain tidak bukan kerana keikhlasan niat mereka untuk bekerjasama dengan pihak kerajaan dalam menentang musuh utama negara iaitu Covid 19 pada waktu ini. Keikhlasan niat bekerja semata-mata mengharapkan keredhaan Allah telah menyebabkan mereka mempunyai motivasi yang tinggi dan kekal teguh beristiqamah dalam melakukan pekerjaan sampailah ke saat ini. Apa sahaja sumbangan yang telah dilakukan oleh mereka di barisan hadapan ini khususnya dan termasuklah oleh pihak kerajaan umumnya sebenarnya telah menjunjung prinsip kaedah setiap perkara dinilai berdasarkan niat.

### **الْيَقِينُ لَا يَزَالُ بِالشَّكِّ (Keyakinan tidak dihilangkan dengan syak)**

Kaedah ini merupakan kaedah yang digunakan pada kebanyakan bab dalam ilmu Fiqh dan ianya merupakan punca asal kepada prinsip Al-Istishab.(Uthman Syibir, 2007). Kaedah ini membawa maksud apa yang telah thabit secara yakin tidak akan berubah disebabkan semata-mata wujudnya syak ke atasnya kerana perkara yang telah diyakini secara logiknya tidak akan mengubahnya sesuatu yang lebih lemah daripadanya.(Al-Zarqa, 1989). Ianya secara umumnya bersandarkan kepada firman Allah SWT dalam Surah Yunus ayat 36:

**وَمَا يَتَّبِعُ أَكْثَرُهُمْ إِلَّا ظَنَّا إِنَّ الْأَنْذَنَ لَا يُغْنِي مِنَ الْحَقِّ شَيْئاً إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ بِمَا يَفْعَلُونَ**

(Dan tidaklah mereka mengikut sesuatu melainkan atas sangkaan mereka sahaja, sesungguhnya sangkaan mereka itu tidak memberikan kebenaran kepada mereka sesuatu pun. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui akan apa yang kamu lakukan). Ayat ini menjadi dalil kepada wajibnya ilmu

pengetahuan dalam perkara asas, dan tidak harus memadai dengan taqlid mengikut begitu sahaja.(Ismail Haqqi, t.t). Kebenaran ialah perkara yang tetap kekal, tiada keraguan padanya, di mana keraguan tidak sama sekali dengan keyakinan dan keraguan menyebabkan seseorang itu tidak yakin dengan apa yang diketahuinya(Al-Maraghi, 1946).

Keyakinan dari sudut bahasa membawa maksud ilmu pengetahuan, menghapuskan keraguan, dan mengesahkan sesuatu perkara.(Ibnu Manzur, 1992). Manakala dari istilah pula sebagaimana yang ditakrifkan oleh Ulama' antaranya seperti Ibnu Taimiyah (1995) ialah ketenangan hati dan kejelasan ilmu pada sesuatu. Menurut Ibnu Asyur (1984) pula yakin ialah sesuatu yang diketahui secara pasti yang tidak menerima sebarang keraguan. Syak pula dari sudut bahasa membawa maksud berbolak-balik antara dua perkara sama ada keadaan kedua-dua perkara itu sama kedudukannya atau lebih baik.(Al-Fayyumi, t.t). Dari sudut istilah pula makna syak lebih kurang sama sahaja dengan maknanya dari sudut bahasa(Usiri, 2007).

Maka dapatlah disimpulkan di sini bahawa keyakinan itu ialah kepastian yang tetap berdasarkan sokongan petunjuk ilmu dan bukti yang benar, manakala syak pula ialah ketidakpastian apabila berada dalam kekeliruan untuk memilih dua perkara. Keyakinan menyebabkan kita teguh berada dalam perkara benar kerana berpegang kepada ilmu yang benar. Tiada apa yang boleh membuktikan apa yang dipegang itu salah kerana tiada bukti yang menunjukkan sedemikian dalam hal tersebut. Menurut Al-Bahisin (2000), sesuatu perkara tidak berubah dan kekal disebabkan dalil, petunjuk atau atas apa sahaja cara pembuktian. Maka yang diambil kira ialah hukum asal yang dibina atas keyakinan yang tidak boleh berubah disebabkan keraguan atau sebarang kemungkinan yang tidak berasas. Hukum tersebut kekal sehinggalah ada dalil kuat yang boleh mengubahnya. Antara contoh aplikasi kaedah ini ialah apabila seseorang melihat sesuatu air yang telah berubah warnanya, dan tidak pasti sama ada air tersebut berubah disebabkan najis yang jatuh ke dalamnya atau lama ditinggalkan, maka dihukumkan air itu suci kerana hukum air pada asalnya secara yakin dan pasti adalah suci. Maka keraguan kemungkinan air itu berubah disebabkan najis tidak dapat diterima sama sekali(Al-Kurdi, 2017).

Atas naratif kaedah ini, pada hemat pengkaji terdapat dua perkara yang boleh diaplikasikan dalam isu Covid 19 ini. Pertama, sesuatu hakikat yang tidak dapat disangkalkan lagi bahawa Covid 19 yang melanda dunia pada hari ini merupakan virus yang sangat bahaya. Ini merupakan fakta yang berdasarkan kepada keyakinan yang tidak boleh dipertikaikan lagi. Hal ini juga telah menyebabkan WHO telah mengumumkan *global health emergency* atau kecemasan kesihatan global pada 30 Januari 2020.(WHO, 2020).

Ianya juga telah mendapat reaksi yang membimbangkan daripada masyarakat dunia. Ramai yang berasa takut dan bimbang sehingga menyebabkan berlakunya diskriminasi pengasingan seperti mereka yang berada di Taiwan takut untuk berinteraksi dengan mereka yang berada di Hong Kong, manakala mereka yang berada di Hong Kong takut untuk berinteraksi dengan mereka di tanah besar China. Ini semua kerana bimbang kesihatan mereka yang akan terjejas.(Chung Ying Lin, 2020). Namun masih ramai juga yang memandang perkara ini sebagai isu yang kecil sahaja. Sebagai contoh, Di Amerika Syarikat dalam satu kajian menunjukkan bahawa sebanyak 29% daripada responden bersetuju bahawa isu bahaya Covid 19 ini hanya diperbesarkan sahaja.(Joseph E. Uscinski et.al, 2020). Malah terdapat di kalangan masyarakat dalam negara kita yang melanggar arahan PKP. Mengikut rekod yang dikeluarkan, daripada 19 Mac sehingga 23 Mac 2020 sebanyak 14 kes reman yang dicatatkan(Mahkamah Persekutuan Malaysia, 2020). Manakala dari 18 Mac 2020 sehinggalah 2 Mei 2020 seramai 28992 orang telah ditahan. Dari PKP fasa pertama sehingga fasa ketiga, pihak polis telah menahan 27061 individu dengan 13980 dituduh di Mahkamah(Berita Harian, 2020). Hal ini menunjukkan betapa benarnya bahaya Covid 19 ini sehingga perundungan digunakan dan undang-undang dikuatkuasakan. Keyakinan akan bahayanya Covid 19 tidak boleh dinafikan lagi walaupun terdapat sebahagian ahli masyarakat melalui tindak tanduk mereka kelihatan ragu-ragu akan fakta ini apabila gagal mematuhi arahan PKP yang ditetapkan oleh pihak kerajaan.

Kedua, apa yang boleh diaplikasikan daripada kaedah ini dalam konteks Covid 19 ini ialah berkaitan dengan khabar dan berita yang berkaitan dengan Covid 19. Keyakinan akan benarnya bahaya Covid 19 ini tidaklah mewajarkan penyebaran berita palsu dan bohong berkaitan dengan perkara ini. Walaupun berita tersebut berkaitan dengan Covid 19, namun ianya mestilah bersandarkan kepada fakta

dan maklumat yang sahih dan benar. Selagi mana berita itu tidak disertakan dengan fakta yang jelas dan disahkan oleh pihak pemerintah, maka berita itu boleh dianggap sebagai salah dan tidak betul. Bahkan akibat lambakan berita palsu berkaitan dengan Covid 19 ini, maka penafian terpaksa dilakukan oleh pihak kerajaan. Ini dapat dilihat apabila Kementerian Komunikasi dan Multimedia(KKMM) akan mengeluarkan kenyataan balas menafikan sesuatu khabar angin yang tersebar melalui media sosial(Berita Harian, 2020).

### **المُشَقَّة تُجلِّب التَّيْسِير (Kesusahan membawa kepada kemudahan)**

Kaedah ini menjadi punca kepada prinsip rukhsah dalam Islam, dan ianya menghuraikan hukum-hakam yang terpelihara dengan konsep memudahkan dan anjal fleksibel. Syariah tidak membebankan manusia dengan sesuatu yang mereka tidak mampu lakukan atau menyebabkan manusia berada dalam kesusahan.(Al-Nadwi, 1994). Kaedah ini membawa maksud kesusahan yang dihadapi dalam sesuatu perkara menjadi sebab yang kuat untuk memudahkan urusan perkara tersebut, dengan kata lain, wajib diberikan keluasan pada waktu kesempitan.(Ali Haidar, 1991). Ianya berdasarkan kepada firman Allah SWT yang banyak berkaitan dengan kemudahan yang diberikan oleh Syarak antara lainnya apa yang disebutkan oleh Allah SWT dalam Surah Al-Hajj ayat 78:

**وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ**

(*Dan Allah tidak menjadikan dalam agama itu sebarang kesusahan kepada kamu*)

Daripada ayat ini, terzahir rahmat Allah SWT kepada orang yang beriman iaitu Allah tidak mensyariatkan sesuatu dalam agama ini, yang padanya terdapat kesukaran, dan kesempitan. Dan Allah menjadikan urusan agama ini tertegak atas prinsip mudah, ringan, dan mengangkat kesusahan. Antara kaedah yang berkaitan dengan perkara ini ialah ‘kesusahan membawa kepada keringanan’(Tantawi, t.t).

Kesusahan المُشَقَّة dari sudut bahasa dalam bahasa Arab membawa maksud الجهد

والعناء(kesukaran dan keletihan)(Ibnu Manzur, 1992). Dari sudut istilah pula, ianya membawa maksud kesusahan tambahan yang tidak boleh ditanggung oleh manusia, yang boleh meragut nyawa. Ianya berlawanan dengan hukum alam, dan kebiasaannya menyebabkan amalan yang bermanfaat tidak mampu untuk dilakukan.(Al-Zuhaili, 1985). Maksud kemudahan dari sudut bahasa ialah lembut dan tunduk patuh (Ibnu Manzur, 1992). Manakala dari sudut istilah, ianya adalah amalan yang tidak membebankan jiwa dan tubuh manusia(Al-Munawi, 1934). Maka secara mudahnya dapat difahami di sini bahawa kesusahan di luar kemampuan manusia untuk melakukannya dan jika melakukannya juga akan memberikan akibat buruk kepada manusia, akan diringankan dengan diberikan alternatif kemudahan dalam bentuk lain untuk menggantikan amalan tersebut. Keringanan atas nama rukshah ini akan menyebabkan ibadah tidak ditinggalkan dan tetap dilaksanakan walau dalam keadaan bagaimana sekalipun, namun dengan cara pelaksanaannya yang telah berubah.

Pengaplikasian kaedah ini semasa musim Covid 19 ini, boleh dilihat kepada banyak perkara yang berkaitan ibadah khusus seperti isu solat berjemaah, solat Jumaat, solat Tarawih, solat hari raya Aidilfitri di masjid, pengurusan jenazah, pernikahan, dan lain-lain lagi. Pada permulaan PKP diperkenalkan, amalan solat berjemaah di masjid tidak dibuka kepada orang awam, hanya terhad kepada imam dan beberapa orang ahli jawatankuasa masjid sahaja. Bahkan selama beberapa minggu solat Jumaat tidak dilakukan di masjid-masjid seluruh negara. Solat Tarawih dan solat hari raya Aidilfitri pada tahun 2020 ini tidak diadakan di masjid-masjid seperti kebiasaan yang berlaku pada tahun-tahun sebelum ini. Semua solat ini dilakukan di rumah masing-masing dan solat Jumaat pula diganti dengan solat Zuhur. Banyak institusi fatwa mengeluarkan pandangan tentang pengguguran solat berjemaah di masjid-masjid ini. Antaranya seperti Dar ifta’ Mesir melalui Mufti Mesir Dr Syauqi Ibrahim ‘Alam(Dar ifta’ Mesir, 2020), Daerah Al-Ifta’ Jordan melalui lajnah ifta’nya(Daerah Al-Ifta’, 2020), Majlis Islami Syria(Sic, 2020), Majlis Fatwa UAE, (Al-Bayan, 2020), Muzakarah Khas Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia(JAKIM, 2020), dan Majlis Ugama Islam Singapura melalui Muftinya Dr Nazirudin Mohd Nasir(MUIS, 2020).

Walaupun solat Jumaat ini pada asalnya dihukumkan wajib secara ijma’ ke atas lelaki yang merdeka dan baligh oleh ulama’(Ibnu Abd Bar, 2000), dan dikira sebagai dosa besar jika

meninggalkannya tanpa sebarang keuzuran.(Ibnu Qayyim Al-Jauziyyah, 1991), namun hukum ini boleh berubah disebabkan kesusahan yang dialami terutamanya ketika kes positif Covid 19 mencatatkan bilangan yang tinggi. Ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Nabi SAW dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud:

مَنْ سَمِعَ الْمُنَادِيَ فَلَمْ يَمْنَعْهُ مِنَ اتِّبَاعِهِ، عَذْرٌ، قَالُوا: حَوْفٌ أَوْ مَرَضٌ؟  
Qal: حَوْفٌ أَوْ مَرَضٌ؟

(Sesiapa mendengar individu mengumandangkan azan, maka tiada menghalanginya daripada mengikutinya dengan hadir solat kecuali keuzuran. Sahabat bertanya: Apakah itu keuzuran? Jawab nabi SAW: ketakutan dan sakit.)

Ulama' telah bersepakat ketakutan merupakan keuzuran yang menyebabkan gugurnya kewajipan untuk solat berjemaah dan Jumaat sama ada ketakutan terhadap diri sendiri mahupun kepada anak-anak.(Ibrahim, 2000). Begitulah juga dengan solat berjemaah lain; solat Tarawih, solat hari raya Aidilfitri. Dalam masa yang sama, bilangan kes positif yang tinggi sudah semestinya menimbulkan ketakutan kepada orang awam untuk berada di luar rumah termasuklah untuk ke masjid menunaikan ibadah Solat. Namun perkara ini sebenarnya banyak bergantung kepada keadaan penularan Covid 19 melalui kes positif yang dilaporkan setiap hari. Atas sebab itulah, fatwa ini telah berubah apabila masjid telah dibuka kepada orang ramai apabila kes positif Covid 19 dalam keadaan terkawal.

Dalam pengurusan jenazah pula, urusan mengkafankan mayat, menyembahyangkan mayat, dan mengebumikan mayat yang meninggal dunia disebabkan Covid 19 tiada perbezaan ketara dengan mayat biasa. Namun dalam soal memandikan jenazah, ianya mempunyai perbezaan cara, memandangkan urusan memandikan jenazah positif Covid 19 ini terdedah kepada sebarang jangkitan virus tersebut kepada pemandi jenazah. Secara umunya, hukum asal memandikan mayat adalah fardhu secara ijma di kalangan ulama'(Ibnu Hazm, t.t). Namun dalam keadaan yang sukar, dibenarkan untuk tidak memandikan mayat dan digantikan dengan cara yang lain iaitu dengan tayammum. Maksud sukar di sini ialah terdapatnya kebimbangan apabila dimandikan jenazah Covid 19 tersebut, virus tersebut akan menjangkiti orang yang telah memandikan jenazah tersebut. Jika berada dalam keadaan takut, maka dibenarkan untuk melakukan tayammum menurut pandangan mazhab Hanafi.(Al-Kasani, 1986). Mazhab Maliki juga membenarkan tayammum dalam keadaan takut(Al-Qarafi, 1994). Begitu juga dibenarkan perkara ini dalam mazhab Syafie(Al-Nawawi, 1991). Dalam mazhab Hanbali juga turut mengharuskan tayammum dalam keadaan takut.(Al-Kalwazani, 2004). Maka di sini dapat difahami bahawa, kesemua empat mazhab membenarkan perbuatan tayammum dalam keadaan takut, walaupun ianya dibicarakan untuk orang yang hidup. Sebagaimana diberikan rukhsah kepada orang hidup, pengkaji berpandangan begitu jugalah ianya diberikan dalam urusan menguruskan jenazah lebih-lebih lagi mereka yang telah meninggal dunia tidak mempunyai kaitan dengan taklif bebanan hukum Syarak lagi. Malah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan telah bekerjasama mengeluarkan garis panduan tatacara pengurusan jenazah orang Islam Covid 19 yang antaranya menyatakan cara melakukan tayammum terhadap jenazah pesakit positif Covid 19(JAKIM, 2020).

Urusan pernikahan pula dilakukan atas talian di mana, pengantin lelaki dan perempuan berada di tempat yang berasingan untuk melakukan akad nikah tersebut dalam alam maya. Menurut Dr Abdul Haq Hamish(2004), terdapat dua pandangan ulama berkenaan hukum perkahwinan secara online ini. Pandangan yang pertama ialah pandangan yang dikemukakan oleh Dr Badran Abu Al-'Ainain yang mengatakan harus selagi mana perbualan antara yang melakukan akad tersebut berkaitan dengan akad nikah. Jika perbualan tersebut beralih kepada perkara lain, maka berakhirlah majlis akad, dan batallah ijab bagi akad tersebut. Pandangan yang kedua ialah pandangan yang dikemukakan oleh Dr Wahbah Al-Zuhaili yang mengatakan tidak harus, sebagaimana akad perkahwinan tidak harus dengan perbuatan sahaja atau Mu'atah dengan diberikan mahar sahaja, begitu juga tidak sah perkahwinan secara online. Bagi pengkaji hukum perkahwinan secara online ini adalah sah jika sekiranya memenuhi rukun dan syarat perkahwinan dalam hukum Syarak. Ini memandangkan kesukaran untuk melakukan akad nikah dalam satu tempat ketika wabak Covid 19 ini perlu diambil kira dan perlu diberikan kemudahan dalam perkara sebegini. Malah sebenarnya ia memberikan banyak maslahah dan manfaat bukan hanya kepada pengantin dan keluarga, termasuklah pihak Jabatan Agama Islam yang menguruskan hal ini.

Walhasilnya, kesemua perkara yang melibatkan perubahan hukum ini sememangnya tidak dapat dinafikan lagi bertepatan dengan kaedah kesusahan membawa keringanan. Apabila kesusahan telah tiada, maka dikembalilah kepada hukum asal. Ini dapat dilihat apabila bilangan kes terkawal, pihak kerajaan telah membuka semula masjid-masjid untuk didirikan solat berjemaah, solat Jumaat, dan termasuklah solat hari raya Aidiladha kepada orang awam dengan syarat pematuhan SOP yang telah ditetapkan.

### **الضرر بزالت (Kemudaratan mesti dihilangkan)**

Kaedah ini terkandung di dalamnya separuh ilmu Fiqh kerana hukum-hakam Syarak sama ada mendatangkan manfaat dan menolak kemudaratan. Ianya berkaitan dengan dhoruriyat al-khams iaitu menjaga agama, nyawa, akal, maruah keturunan, dan harta.(Al-Nadwi, 1994). Maksud kaedah ini ialah kemudaratan wajib dihapuskan sebelum dan selepas berlaku kerana mencegah lebih baik daripada mengubati.(Uthman Syibir, 2007). Ini membawa maksud juga, segala persiapan dan persediaan harus dilakukan bagi menghadapi sebarang kemungkinan berlakunya sesuatu yang memudaraskan dalam sesuatu komuniti masyarakat. Kaedah ini secara umumnya berasal daripada hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah iaitu:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارٌ

*(Tiada kemudaratan dan tiada perbuatan memudaraskan kepada orang lain.)*

Dari sudut bahasa kemudaratan bermaksud sesuatu yang berlawanan dengan manfaat, mengumpulkan sesuatu, dan kekuatan.(Ibnu Faris, 1979). Dari sudut istilah pula ianya membawa maksud, percanggahan dengan maslahah di sisi Syarak melibatkan nyawa atau perkara lain yang dilakukan secara sebarang atau atas sebab kecuaian.(Ahmad Mawafi, 1998). Kemudaratan itu sesuatu yang telah diketahui maknanya, ianya boleh berlaku kepada tubuh badan, harta benda, anak-anak, dan lain-lain.(Al-Uthaimeen, t.t). Maka apa sahaja yang memberikan kemudaratan dalam kehidupan ini sama ada ianya berkait dengan diri kita sendiri, mahupun orang lain wajiblah dihapuskan agar semua orang tidak menerima kesan buruk daripada kemudaratan tersebut.

Penularan Covid 19 sebagaimana yang telah dinyatakan dalam pendahuluan sebelum ini, banyak memberikan kesan buruk kepada kehidupan penduduk dunia apabila ramai yang telah dijangkiti dan terkorban. Dari sudut ekonomi pula, ianya telah menjelaskan sumber mata pencarian para pekerja apabila dibuang kerja akibat penutupan dan ketidakmampuan syarikat-syarikat menanggung kerugian yang amat dahsyat terutamanya apabila arahan '*lockdown*' ataupun PKP dilaksanakan. Berdasarkan laporan Statistik Utama Tenaga Buruh di Malaysia Mac 2020 yang dikeluarkan DOSM sebelum ini, jumlah penganggur meningkat 17.1 peratus kepada 610,500 dengan kadar 3.9 peratus, daripada angka pada bulan sama 2019(Harian Metro, 2020).

Premis perniagaan, pejabat, taska, tadika, sekolah, institut pengajian tinggi, telah diarahkan untuk menghentikan operasi masing-masing. Semua ini dilakukan oleh pihak kerajaan atas satu tujuan iaitu mengekang kemudaratan virus Covid 19 ini daripada terus menyelinap ke dalam masyarakat memandangkan kes positif Covid 19 ketika itu tinggi. Langkah penutupan tempat-tempat ini telah menyebabkan pihak kerajaan berada di persimpangan dan dilemma, apabila negara dilaporkan mengalami kerugian sebanyak 2.4 bilion sehari sepanjang PKP.(Berita Harian, 2020). Jika kegiatan ekonomi dan perniagaan terus ditutup, maka unjurran ekonomi negara dalam berada dalam keadaan yang kritikal. Jika di awal PKP dahulu, pertimbangan yang diambil oleh pihak kerajaan ialah menghilangkan kemudaratan yang melibatkan nyawa rakyat. Namun apabila kes positif Covid 19 berada dalam keadaan terkawal dengan bilangan kes yang semakin menurun, maka kemudaratan ekonomi pula mestilah dihapuskan. Hal ini telah memaksa kerajaan untuk mengambil langkah untuk membenarkan sektor ekonomi berjalan semula pada 4 Mei 2020 yang lalu dengan menguatkuasakan SOP yang ketat.(Harian Metro, 2020). Bahkan untuk menghilangkan kemudaratan dari sudut ekonomi kepada rakyat juga, sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, kerajaan telah memberikan bantuan yang berskala besar apabila mengumumkan Bantuan Prihatin Nasional(BPN) yang berjumlah RM11.14 bilion kepada 10 juta individu penerima.(Berita Harian, 2020). Selain daripada itu, kerajaan juga melalui Bank Negara telah memberikan moratorium iaitu pengecualian pembayaran balik pinjaman atau pembiayaan di bank

berjumlah sebanyak RM81.9 bilion(Harian Metro, 2020). Manakala melalui agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Agama satu program bernama Musaadah Covid 19 telah memberikan sumbangan sebanyak hampir RM200 juta kepada mereka yang memerlukan(Berita Harian, 2020).

### **العادة الحكمة (Adat sebagai sumber hukum)**

Kaedah ini menggambarkan tingginya kedudukan uruf budaya dalam Syariat Islam sehingga ianya menjadi sumber hukum dalam banyak bab ilmu Fiqh sesuai dengan perkembangan dan pembaharuan sesuatu adat budaya.( Uthman Syibir, 2007). Maksud kaedah ini ialah sesuatu adat sama ada umum atau khas menjadi hukum syarak dalam perkara yang tiada nas berkaitan dengannya.(Al-Nadwi, 1994). Secara umumnya, menurut Abdul Karim Zaidan(2001) kaedah ini berdasarkan kepada ucapan yang dinisbahkan kepada Ibnu Mas'ud riwayat Imam Ahmad

فَمَا رَأَى الْمُسْلِمُونَ حَسَنًا، فَهُوَ عِنْدَ اللَّهِ حَسَنٌ، وَمَا رَأَوْا سَيِّئًا فَهُوَ عِنْدَ اللَّهِ سَيِّئٌ

(*Apa yang dilihat baik oleh orang Islam, maka ianya dikira baik di sisi Allah, apa yang dilihat buruk oleh orang Islam, maka ianya dikira buruk di sisi Allah*). Menurut Saud bin Abdullah(t.t) ucapan ini menjadi dalil kebanyakan Fuqaha ketika berhukum dengan adat dalam mana-mana masalah Fiqh, sebagaimana ulama Usul Fiqh menjadikan dalil ini juga dalam berhujah dengan ijmak dan istihsan. Dalam konteks pemerintahan sesebuah negara, terdapat satu kaedah lain yang boleh menjelaskan maksud apa yang dilihat baik oleh orang Islam dalam ucapan Ibnu Mas'ud iaitu;

تَصْرُّفُ الْإِمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مُنْوَطٌ بِالْمَصْلَحَةِ

*Tindakan yang dilakukan oleh pemerintah dibolehkan jika atas keperluan untuk maslahah rakyat*(Al-Sayuti, 1990). Ianya mestilah bertepatan dengan Maqasid Syariah iaitu memberikan maslahah dan menjauhi kemudaratian.

Dari sudut bahasa, Adat membawa maksud kembali semula kepada sesuatu selepas berpisah daripadanya sama ada dengan fizikal atau perkataan(Al-Asfahani, 1990). Manakala dari sudut istilah pula ialah sesuatu yang kekal dalam jiwa manusia, dilakukan secara berulang kali dan diterima dengan perasaan sejahtera.(Ibnu Nujaim, 1999). Antara syarat untuk mengiktiraf sesuatu adat itu diterima oleh Syarak ialah ianya tidak bercanggah sama sekali dengan nas Syarak, ianya diamalkan secara menyeluruh oleh semua ahli komuniti dalam masyarakat di semua tempat, dan ianya didokong kuat oleh semua lapisan masyarakat.(Al-Waraqi, t.t)

Berkaitan dengan Covid 19, pada pengkaji, pengamalan norma baharu kehidupan seperti penjarakan fizikal sejauh 1 meter, pemakaian pelitup muka di tempat awam, tidak berada di kawasan yang sesak, penggunaan *hand sanitizer*, amalan kerap membasuh tangan, mengelakkan sentuhan dan bersalaman merupakan aplikasi kepada kaedah ini. Walaupun budaya baharu ini kelihatan janggal dan menyusahkan pada mata sebahagian ahli masyarakat, namun ianya merupakan adat yang menjadi sumber hukum. Apatah lagi kerajaan menguatkuasakan amalan tersebut untuk kemaslahatan rakyat. Selagi Covid 19 masih menular dalam masyarakat dan vaksin Covid 19 belum ditemui, norma baharu ini perlu dilaksanakan dalam kerangka adat sebagai sumber hukum kerana secara zahirnya ianya tidak bercanggah dengan nas Syarak daripada Al-Quran dan Hadis, dan ianya mempunyai kemaslahatan untuk rakyat keseluruhannya.

### **Kesimpulan**

Aplikasi Qawaid Fiqhiyyah dalam menghadapi Covid 19 ialah seperti berikut:

1. Mereka yang terlibat secara langsung dalam usaha mengekang penularan wabak Covid 19 ini mestilah mempunyai niat dan keazaman yang betul dalam melakukan setiap tugas dan amanah yang diberikan iaitu dengan melaksanakannya ikhlas semata-mata kerana Allah SWT. Ini selaras dengan kaedah sesuatu perkara dikira berdasarkan niat.
2. Sesuatu fakta yang diyakini ialah Covid 19 adalah sejenis penyakit yang berbahaya, dan sebarang berita palsu berkaitan dengan Covid 19 haruslah ditolak dan ditinggalkan. Ini selaras dengan kaedah keyakinan tidak boleh dihilangkan dengan syak.
3. Cara melaksanakan ibadah boleh berubah semenjak penularan Covid 19 daripada berjemaah di masjid kepada melakukannya di rumah masing-masing, daripada memandikan jenazah kepada

tayammum, daripada perkahwinan biasa kepada perkahwinan atas talian. Ini selaras dengan kaedah kesusahan membawa keringanan.

4. Penutupan premis perniagaan, taska, tadika, sekolah, institusi pengajian tinggi ketika kes positif Covid 19 memuncak dan membukanya semula selepas keadaan Kembali stabil adalah usaha untuk membendung penularan Covid 19. Ini selaras dengan kaedah kemudarat mesti dihilangkan.
5. Pengamalan norma baharu seperti penjarakan fizikal 1 meter, pemakaian pelitup muka, kerap mencuci tangan dengan sabun atau penggunaan hand sanitizer merupakan amalan kehidupan baru yang mesti diperaktikkan. Ini selaras dengan kaedah adat adalah sumber hukum.

## Rujukan

- Abdul Haq Hamish. (2004). *Qadaya Fiqhiyyah Muasarah*. UAE: Jamiah Sharjah.
- Abdul Karim Zaidan. (2001). *Al-Wajiz Fi Syarh Al-Qawaaid Al-Fiqhiyyah Fi Syariah Al-Islamiyyah*. Beirut: Muassasah Al-Risalah.
- Ahmad Mawafi. (1998). *Al-Darar Fi Al-Fiqh Al-Islami*. Arab Saudi: Dar Ibnu ‘Affan.
- Al-‘Adwi, Ali bin Ahmad. (t.th). *Hashiah Al-‘Adwi*. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Al-Asfahani, Al-Husin bin Muhammad. (1990). *Al-Mufradat Fi Gharib Al-Quran*. Beirut: Dar Al-Qalam.
- Al-Bahisin, Yaakob Abdul Wahab. (2000). *Qaedah Al-Yakin La Yazulu Bi Al-Syak*. Riyadh: Maktabah Al-Rusyd.
- Muhammad bin Ahmad. (2004). *Bidayah Al-Mujtahid Wa Nihayah Al-Muqtasid*. Kaherah: Dar Al-Hadis.
- Al-Bugha, Mustafa. Muhyiddin Misto. (1998). *Al-Wafi Syarah Hadis 40 Imam Nawawi*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Al-Buhuti, Mansur bin Yunus. (t.th). *Kashful Qana’ ‘An Matan Al-Iqna’*. t.tp.: Dar Al-Kutub Al-Ilmiah.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. (2000). *Sahih Bukhari*. t.tp.: Dar Thuq Al-Najah.
- Al-Fayyumi, Ahmad bin Muhammad. (t.th). *Al-Misbah Al-Munir*. Beirut: Al-Maktabah Al-Ilmiah.
- Ali Haidar. (1991). *Durar Al-Hukam Fi Syarh Majallah Al-Ahkam*. t.tp.: Dar Al-Jil.
- Al-Jurjani, Ali bin Muhammad. (1983). *Al-Takrifat*. Lubnan: Dar Al-Kutub Al-Ilmiah.
- Al-Kasani, Abu Bakar bin Masud. (1986). *Badaie’ Sona’ie*. t.tp: Dar Al-Kutub Al-Ilmiah.
- Al-Kurdi, Ahmad Al-Hajiy. (2017). *Al-Qawaaid Al-Fiqhiyyah Al-Kuliyyah*. Kuwait: Dar Al-Zahiriyyah.
- Al-Maraghi, Ahmad bin Mustafa. (1946). *Tafsir Al-Maraghi*. t.tp.: Syarikah Maktabah Wa Matbaah Mustafa Al-Bab Al-Halabi.
- Al-Munawi, Muhammad Abdul Rauf bin Taj Arifin. (1934). *Fayd Al-Qadir Syarh Al-Jami’ Al-Saghir*. Mesir: Al-Maktabah Al-Tijariyyah Al-Kubra.
- Al-Nadwi, Ali Ahmad. (1994). *Al-Qawaaid Al-Fiqhiyyah*. Damsyik: Dar Al-Qalam.
- Al-Nawawi, Yahya bin Sharaf. (1991). *Raudatul Thalibin Wa Umdatul Muftin*. Beirut: Al-Maktab Al-Islami.
- Al-Qarafi, Ahmad bin Idris. (1994). *Al-Zakhira*. Beirut: Dar AL-Gharb Al-Islami.
- Al-Razi, Muhammad bin Abi Bakar. (1999). *Mukhtar Al-Sihah*. Beirut: Al-Maktabah Al-Asriyyah.
- Al-Sayuti, Abdul Rahman bin Abu Bakar. (1990). *Al-Ashbah Wa Nazair*. t.tp.: Dar Al-Kutub Al-Ilmiah.
- Al-Subki, Abdul Wahab bin Ali. (1991). *Al-Ashbah Wa Nazair*. t.tp.: Dar Al-Kutub Al-Ilmiah.
- Al-Taftazani, Masud bin Umar. (t.th). *Syarh Al-Talwih ‘Ala Al-Tawdih*. Mesir: Maktabah Sabih.
- Al-Uthaimeen, Muhammad bin Soleh. (t.th). *Syarh Al-Arba’in Al-Nawawiyyah*. t.tp.: Dar Al-Thuriya.
- Al-Zarkashi, Muhammad bin Abdullah. (1985). *Al-Manthur Fi Al-Qawaaid*. Kuwait: Wizarah Al-Awqaf Al-Kuwaitiyyah.
- Al-Zarkasyi, Muhammad bin Abdullah. (1994). *Bahrul Muhit Fi Usul Fiqh*. t.tp.: Dar Al-Kutubi.
- Al-Zarqa, Ahmad bin Muhammad. (1989). *Syarh Al-Qawaaid Al-Fiqhiyyah*. Damsyik: Dar Al-Qalam.
- Al-Zuhaili, Muhammad Mustafa. (2006). *Al-Qawaaid Al-Fiqhiyyah Wa Tatbiqatuha Fi Mazhab Al-Arbaah*. Damsyik: Dar Al-Fikr.
- Al-Zuhaili, Wahbah. (1985). *Nazariyyah Al-Darurah Al-Syar’iyyah*. Beirut: Muassasah Al-Risalah.
- Ibnu Abd Bar, Yusuf bin Abdullah. (2000). *Al-Istizkar*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiah.

- Ibnu Abidin, Muhammad Amin bin Umar. (1992). *Radd Al-Muhtar*. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Ibnu Asyur, Muhammad Al-Tahir bin Muhammad. (1984). *Al-Tahrir Wa Al-Tanwir*. Tunis: Dar Al-Tunisiah.
- Ibnu Faris, Ahmad bin Faris. (1979). *Mu'jam Maqayis Al-Lughah*. t.tp.: Dar Al-Fikr.
- Ibnu Hanbal. Ahmad bin Muhammad. (2001). *Musnad Imam Ahmad bin Hanbal*. Muasassah Al-Risalah.
- Ibnu Hazm, Ali bin Muhammad. (t.th). *Maratib Al-Ijma'*. Beirut: Dar AL-Kutub Al-'Ilmiah.
- Ibnu Majah, Muhammad bin Yazid. (t.t). *Sunan Ibnu Majah*. t.tp.: Dar Ihya Kutub Arabiyyah.
- Ibnu Manzur, Muhammad bin Mukarram. (1992). *Lisan Al-Arab*. Beirut: Dar Al-Sadir.
- Ibnu Nujaim, Zainuddin bin Ibrahim. (1999). *Al-Ashbah Wa Nazair*. Beirut: Dar Al\_kutub Al-Ilmiah.
- Ibnu Qayyim Al-Jauziyyah, Muhammad bin Abi Bakar. (1991). *I'lam Al-Muwaqq'in 'An Rabbil 'Alamin*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-'ilmiah.
- Ibnu Taimiyah, Ahmad bin Abdul Halim. (1995). *Majmu' Al-Fatawa*. Madinah Al-Munawarah: Majma' Al-Malik Fahad.
- Ibrahim bin Yahya. (2000). *Athar Al-Khauf Fi Al-Ahkam Al-Fiqhiyyah*. Riyadh: Maktabah Al-Rushd.
- Ismail Haqqi bin Mustafa. (t.th). *Ruh Al-Bayan*. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Muhammad Bakar Ismail. (t.th). *Al-Qawaaid Al-Fiqhiyyah Baina Al-Asalah Wa Al-Taujih*. Mesir: Dar Al-Manar.
- Tantawi, Muhammad Sayyid. (t.th). *At-Tafsir Al-Wasit lil Quran Al-Kareem*. Kaherah: Dar Nahdah Misr.
- Usiri, Ahmad bin Ibrahim. (2007). *Al-Syak Asbabuhu Wa Atharuhu Wa 'Ilaj Al-Islam Lahu*. Jamiah Ummul Qura.
- Uthman Syibir. (2007). *Al-Qawaaid Al-Kuliyyah Wa Dhawabit Al-Fiqhiyyah Fi Al-Syariah Al-Islamiyyah*. Amman: Dar Al-Nafais.
- A.Balkhair, Abdullah. (2020). Covid-19 Pandemic: A new chapter in the history of infectious diseases. *Oman Medical Journal*, 35(2).
- Abdul Hafeez et.al.(2020). A Review of Covid-19(Coronavirus Disease-2019) Diagnosis, Treatments and Prevention. *Eurasian Journal of Medicine and Oncology*. 4(2), 116-125.
- Chung Ying Lin. (2020). Social Reaction Toward the 2019 Novel Coronavirus (COVID-19). *Social Health and Behaviour*. 3(1), 1-2.
- Shrikrushna Subhash Unhale et.al. (2020). A Review On Corona Virus (Covid 19). *International Journal of Pharmaceutical and Life Sciences*. 6(4), 109-115.
- Joseph E. Uscinski et.al. (2020, April). Why Do People Believe Covid 19 Conspiracy Theories. Dimuat turun daripada [https://www.researchgate.net/publication/340993241\\_Why\\_do\\_people\\_believe\\_COVID-19\\_conspiracy\\_theories](https://www.researchgate.net/publication/340993241_Why_do_people_believe_COVID-19_conspiracy_theories).
- Dibyan Muhammad. (November, 2010). النية: (تعريفها، وبيان حكمها، وذكر محلها) Dimuat turun daripada <https://www.alukah.net/sharia/0/26910/>.
- Hazwan Faisal Mohamad. (2020, 22 Julai). Lebih 10 Juta Terima Bantuan Prihatin Nasional. Berita Harian Online. Bahan diakses pada 23 September 2020, daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/07/713544/lebih-10-juta-terima-bantuan-prihatin-nasional>.
- Harian Metro. (9 September 2020). Nilai Moratorium Berjumlah RM819 Bilion. Bahan diakses pada 23 September 2020, daripada <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/09/618749/nilai-moratorium-berjumlah-rm819-bilion>.
- Astro Awani. (10 April 2020). Covid 19: Frontliners Tinggal Anak Keluarga Demi Negara. Bahan diakses pada 28 September 2020, daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-frontliners-tinggal-anak-keluarga-demi-negara-237658>.
- Faris Fuad. (2020, 3 Mei). PKP: 28992 ditahan sehingga semalam. Berita Harian Online. Bahan diakses pada 30 September 2020, daripada <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/05/684739/pkp-28992-ditahan-sehingga-semalam>.

Mahkamah Persekutuan Malaysia. (2020). Kenyataan Media Statistik Pendaftaran Kes Berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan(PKP) 2020 Putrajaya. Unit Komunikasi Korporat Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia. Dimuat turun pada 30 September 2020 daripada [http://www.kehakiman.gov.my/sites/default/files/KENYATAAN%20MEDIA%20-%20STATISTIK%20KES%20BERKAITAN%20%28PKP%29%20SETAKAT%2023%20M%20AC\\_0.pdf](http://www.kehakiman.gov.my/sites/default/files/KENYATAAN%20MEDIA%20-%20STATISTIK%20KES%20BERKAITAN%20%28PKP%29%20SETAKAT%2023%20M%20AC_0.pdf)

Shauqi Ibrahim ‘Alam. (Mac, 2020). سقوط الجمعة والجماعة بسبب فيروس كورونا. Dimuat turun daripada <https://www.dar-alifta.org/ar/ViewMindFatawa.aspx?sec=fatwa&ID=402&LangID=1>

Lajnah Ifta’. (Mac, 2020). الفتاوى التي تسقط عنها صلاة الجمعة في ظل انتشار وباء كورونا. Dimuat turun daripada <https://www.aliftaa.jo/Question2.aspx?QuestionId=3572#.X3p6UWgzbIV>.

Admin PMWP. (Mac, 2020). Hukum Solat Jumaat Dalam Suasana Covid-19 Dimuat turun daripada <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/4318-al-kafi-1657-hukum-solat-jumaat-dalam-suasana-covid-19>

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2020) Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Edisi Khas Pandemik Covid 19 Putrajaya Dimuat turun pada 5 Oktober 2020 daripada <http://www.islam.gov.my/berita-semasa/29-bahagian-penyeleidikan/2397-mesyuarat-jawatankuasa-muzakarah-khas-majlis-kebangsaan-bagi-hal-ehwal-ugama-islam-malaysia-mki-edisi-khas-pandemik-covid-19>

Dr Naziruddin Mohd Nasir. (2020). Fatwa Solat Jumaat Ketika Covid 19 Dimuat turun daripada <https://www.muis.gov.sg/officeofthemufti/Fatwa/Malay-Fatwa-on-Friday-Prayers-during-COVID-19>

Syrian Islamic Council. (Mac, 2020). فتوى حكم ترك الجمعة والجماعة خشية الوباء. Dimuat turun daripada <https://sy-sic.com/?p=8164>.

Albayan. (3 Mac 2020). مجلس الإمارات للإفتاء يُبيّن حكم صلاة الجمعة والجماعة في زمن كورونا. Bahan diakses pada 5 Oktober 2020 daripada <https://www.albayan.ae/across-the-uae/news-and-reports/2020-03-03-1.3793602>

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2020) Garis Panduan Tatacara Pengurusan Jenazah Orang Islam. Putrajaya. Dimuat turun pada 6 Oktober 2020 daripada <http://www.islam.gov.my/rujukan/garis-panduan/2380-garis-panduan-tatacara-pengurusan-jenazah-orang-islam-covid-19>

Rafidah Mat Ruzki. (2020, 1 Mei). Negara Rugi RM24 Bilion Sehari. Berita Harian Online. Bahan diakses pada 8 Oktober 2020, daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/683813/negara-rugi-rm24-bilion-sehari-sepanjang-pkp>

Harian Metro. (14 Mei 2020). Kadar Pengangguran Meningkat Akibat Covid 19. Bahan diakses pada 8 Oktober 2020, daripada <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/578529/kadar-pengangguran-meningkat-akibat-covid-19>

Mohd Anwar Patho Rohman. (2020, 29 Mac). Covid 19: KKMM Nafi 3 Laporan Berita Palsu. Berita Harian Online. Bahan diakses pada 10 Oktober 2020, daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/670788/covid-19-kkmm-nafi-3-laporan-berita-palsu>

Faris Fuad. (2020, 7 Julai). Musaadah Covid 19 salur hampir RM200 Juta. Berita Harian Online. Bahan diakses pada 10 Oktober 2020, daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/07/708205/musaadah-covid-19-salur-hampir-rm200-juta>